

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Bertulis**

**DARIPADA : Tuan Anuar bin Abd. Manap**

**SOALAN : Tuan Anuar bin Abd. Manap minta  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI menyatakan pelan bantuan  
yang dirancang oleh Kementerian bagi  
membantu para petani serta pengusaha  
tanaman makanan yang terjejas akibat dari  
fenomena El Nino yang melanda negara  
sekarang.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi membantu golongan petani yang mengalami kerugian hasil pertanian akibat bencana seperti El Nino dan banjir, Kementerian boleh mempertimbangkan bantuan ihsan di bawah Tabung Bantuan Bencana Agromakanan (TBBA).

Selain daripada TBBA, Kementerian juga menyediakan bantuan lain seperti berikut:-

- i. Bantuan dari segi pemberian input pertanian yang dikelolakan oleh Jabatan Pertanian Daerah masing-masing;
- ii. Program *touch points* yang melibatkan bantuan input seperti benih ikan dan makanan rumusan kepada pengusaha akuakultur; dan
- iii. Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan bertujuan untuk memberi bantuan dan sumbangan segera dalam bentuk kewangan kepada nelayan yang terlibat dengan kemalangan, kemusnahan atau kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa. Kaedah penyaluran adalah dalam bentuk bantuan tunai yang akan disalurkan terus kepada mangsa yang terjejas.

Pada masa yang sama, Kementerian sedang meneliti cadangan pelaksanaan Skim Perlindungan Agromakanan yang melindungi hasil pertanian bagi semua subsektor. Perancangan awal adalah memfokuskan kepada pelaksanaan bagi subsektor tanaman padi. Walau bagaimanapun, kerajaan masih mengkaji pendekatan yang terbaik untuk melaksanakan skim ini agar memberi manfaat kepada petani tanpa membebankan mereka dan pihak Kerajaan.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP**

**SOALAN : NO. 93**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan intipati yang terdapat dalam Pelan Tindakan Keusahawan Institusi Pengajian Tinggi 2016-2020 dan apakah pelan strategik Kementerian bagi memastikan pelan tersebut mencapai matlamat penubuhannya.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi telah menghasilkan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020 yang mengandungi pelaksanaan 4 inisiatif berdasarkan 2 strategi yang digariskan di bawah Lonjakan 1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu Graduan Holistik Berciri Keusahawanan dan Seimbang. Pelan tindakan ini bertujuan membangunkan graduan berciri keusahawanan unggul dengan menganjakkan minda mereka daripada pencari pekerjaan (*job seeker*) kepada penjana pekerjaan (*job creator*).

Empat inisiatif dalam Pelan Tindakan tersebut ialah:

- (i) melaksanakan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEP) dengan menerapkan elemen keusahawanan merentasi kurikulum dan bidang pengajian;
- (ii) melaksanakan Rangka Kerja Penjana Pekerjaan ataupun *Job Creator Framework*;
- (iii) menambahbaik ekosistem yang menyokong pembangunan keusahawanan pelajar; dan
- (iv) memperkuuhkan kompetensi tenaga pengajar keusahawanan.

Pelan Tindakan ini juga akan mengukuhkan ekosistem keusahawanan IPT dengan sasaran 100% penglibatan pelajar IPT dalam program dan aktiviti keusahawanan, 15% pelajar IPT terlibat dengan aktiviti perniagaan semasa dalam pengajian dan 5% daripada jumlah pelajar yang bergraduat akan menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan menjelang tahun 2020. Di samping itu, ia juga dapat meningkatkan kompetensi tenaga pembimbing di IPT serta memantapkan hubungan antara akademia dan industri.